

13/05/2005

Mukhriz-TV3

MUKRIZ TURUT NAFI BAPANYA ADA KEPENTINGAN DALAM TV3

ALOR STAR, 13 Mei (Bernama) -- Exco Pemuda Umno Malaysia Datuk Mukhriz Mahathir hari ini berkata bapanya Tun Dr Mahathir Mohamad tidak pernah mempunyai sebarang kepentingan dalam stesen televisyen TV3 apatah lagi untuk memiliki 70 peratus ekuiti dalam syarikat penyiaran berkenaan.

Beliau berkata tuduhan yang dibuat oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi rancangan di stesen penyiaran Perbadanan Penyiaran British (BBC) itu dengan jelas menunjukkan dia berbohong demi kepentingan diri sendiri.

"Saya pasti Anwar sendiri tahu tentang kebenaran ini, tetapi saya pelik kenapa dia masih nak berbohong seperti itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat pergerakan Pemuda Umno Bahagian Kuala Kedah di sini, hari ini.

Mukhriz berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai perkara berkenaan. Dalam wawancara dengan Stephen Sackur dalam program HARDtalk yang disiarkan BBC baru-baru ini, Anwar berkata Dr Mahathir memegang 70 peratus saham TV3, manakala bakinya dipegang oleh empat pengarang kanan akhbar ketika itu.

Mukhriz berkata tuduhan yang tidak masuk akal berkenaan sengaja ditimbulkan untuk menjatuhkan kredibiliti bekas Perdana Menteri itu.

Katanya tohmahan itu tidak memberi sebarang kesan terhadap kedudukan bapanya sekarang sebaliknya memberi gambaran tidak baik terhadap imej Anwar sendiri.

Sementara itu, Mukhriz yang juga Pengerusi Biro Hubungan Antarabangsa dan Badan Bukan Kerajaan Pemuda Umno, meminta perwakilan Umno di mesyuarat cawangan atau bahagian membincangkan tentang isu antarabangsa seperti penderitaan rakyat Palestin supaya ianya dapat dibawa ke perhimpunan Agung Umno dan menjadi dasar kerajaan.

Beliau berkata, dari situ kerajaan Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) dapat mengatur agenda di samping berusaha membela nasib rakyat yang tertindas bukan sahaja di Palestin malah di seluruh dunia.

Mukhriz akan mengadakan lawatan satu hari ke Palestin untuk melihat sendiri keadaan negara itu di samping mengenalpasti apakah bantuan yang boleh disalurkan bagi membantu aktiviti ekonomi yang masih dijalankan mereka seperti eksport minyak zaitun.

Beliau akan bertolak esok setelah mendapat kebenaran daripada pihak Palestin dan Israel untuk misi itu.

-- BERNAMA

SHU MZM PR